

Hubungan UMS, UGM diperkukuhkan lagi melalui MoU baru

NS7 15/09/2011 2

Kota Kinabalu: Hubungan kerjasama yang sedia terjalin antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Gadjah Mada (UGM) diperkukuhkan lagi melalui pembaharuan MoU kelmarin.

“Kerjasama ini pastinya boleh mendatangkan banyak manfaat untuk kedua-dua universiti yang dilihat amat signifikan dalam memacu kecemerlangan bagi menempuhi cabaran arus pemodenan globalisasi yang semakin kritikal,” kata Naib Canselor UMS, Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon pada majlis menandatangani MoU antara UMS dengan UGM sempena lawatan Gabenor Daerah Istimewa Yogyakarta, Sri Sultan Hamengku Buwono Kesepuluh kelmarin.

“Kesudian UGM untuk melanjutkan kerjasama akademik dengan UMS merupakan satu penghormatan besar, kerana UGM merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang tersohor bukan sahaja di Indonesia, malah di

rantau Asia Tenggara,” katanya.

MoU antara UMS dan UGM telah terjalin sejak tahun 2005 dan beberapa aktiviti akademik sudah pun dilaksanakan seperti pengurusan seminar mahasiswa pascasarjana antara UMS dan UGM pada tahun 2009 dan perkongsian pengetahuan akademik antara-pensyarah Fakulti Psikologi bagi kedua-dua universiti.

“Di bawah jalinan MoU ini, pihak UMS akan sentiasa bersama-sama dengan UGM dalam memperkasa penyelidikan, peningkatan prestasi pelajar serta berkongsi maklumat dalam kalangan warganya,” tambahnya.

“MoU ini juga akan dijayakan melalui aktiviti seperti program pertukaran pelajar, penghantaran pelajar Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial untuk menjalani latihan praktikal di Yogyakarta dan pihak UMS mengalu-alukan pihak UGM untuk menghantar pelajar mereka ke sini untuk tujuan yang sama,” katanya lagi.



TANDATANGANI... Kamaruzaman (duduk sebelah kiri) menandatangani MoU bagi pihak UMS, manakala pihak UGM diwakili oleh Toni (duduk kanan). Turut menyaksikan (berdiri dari kiri): Awang Suhaizam, Bapak Soepeno, Sri Sultan Hamengku dan Bolkiah Ismail.

Dr Kamaruzaman juga berkata bahawa kerjasama itu juga turut meliputi aktiviti antara-pensyarah di UMS dan UGM menerusi perkongsian penelitian, penerbitan malahan bidang pengajaran dan penyelidikan ilmu dalam persidangan dan simposium yang berkaitan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pembantu Menteri Kementerian Pelancongan, Ke-

budayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Bolkiah Ismail dan wakil Rektor Universiti Gadjah Mada, Prof. Dr. Ir. Toni Atyanto Dharoko. Timbalan Pendaftar UMS Awang Suhaizam Bin Bungso, Konsul Jenderal, Konsulat Indonesia Sabah Bapak Soepeno Sahid, dan Sri Sultan Hamengku Buwono.-**OLEH SHIRLEY POILIS**